

FAKTOR POLITIK BERPERANAN MEMPENGARUHI KEPUTUSAN PEMILIHAN DESTINASI PENGAJIAN PELAJAR ANTARABANGSA DI MALAYSIA

POLITICAL FACTOR ACTS IN INFLUENCING INTERNATIONAL STUDENT'S
DECISION OF AN EDUCATION DESTINATION IN MALAYSIA

Irma Wani Othman¹
Herlina Jupiter²
Hasbullah Awang³
Muhammad Safuan Yusoff⁴

¹Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, 84000 Kota Kinabalu, Sabah, Tel: +6088320000
E-mail: iwoppib@gmail.com

^{2,3,&4}Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan Universiti Malaysia Sabah, Wilayah Persekutuan Labuan E-mail:
herina@ums.edu.my

Accepted date: 5 January 2017

Published date: 31 March 2017

To cite this document: Othman, I. W., Jupiter, H., Awang, H., & Yusoff, M. S. (2017). Faktor Politik Berperanan Mempengaruhi Keputusan Pemilihan Destinasi Pengajian Pelajar Antarabangsa Di Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 2(3), 8-13.

Abstrak: *Dewasa ini, pelbagai usaha telah dijalankan bagi mempergiatkan usaha pengantarabangsaan sesebuah universiti dengan meningkatkan aliran jumlah kemasukan pelajar antarabangsa untuk membangunkan sumber manusia globalisasi sekaligus menjana pendapatan negara. Sehubungan itu, strategi pemasaran dan promosi universiti haruslah digandakan dengan mengambil kira faktor kedatangan dan penyebab pelajar membuat keputusan untuk memilih destinasi pengajian diluar negara. Salah satu faktor yang sangat dititikberatkan adalah faktor politik. Kajian ini memberi penumpuan terhadap faktor-faktor politik yang dapat mempengaruhi keputusan pelajar antarabangsa untuk belajar di luar negara dan memilih destinasi pengajian yang tepat dan bersesuaian bagi mereka. Objektif yang ingin dicapai menerusi kajian ini ialah (1) mengenalpasti faktor-faktor politik yang berupaya mempengaruhi keputusan pemilihan destinasi pengajian pelajar antarabangsa, (2) membincangkan strategi pemasaran dan promosi yang boleh dilaksanakan oleh universiti dalam meningkatkan pengambilan pelajar antarabangsa serta hubungannya dengan faktor politik yang dibincangkan. Kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada peningkatan pemahaman tentang faktor politik yang mempengaruhi keputusan pelajar antarabangsa dan*

memberi alternatif kepada universiti dalam memformulasikan strategi pemasaran serta promosi bagi mencapai matlamat sebagai universiti bertaraf antarabangsa.

Kata Kunci: *Pelajar Antarabangsa, Faktor Politik Pemilihan Destinasi Pengajian*

Abstract: *Nowadays, various efforts have been implemented to intensify the internationalization of a university by increasing the flow of international students intake, develop human resources globalization and to generate national income. Therefore, the university's marketing and promotion strategies need to be expanded while taking consideration on the factors and causes of students' choice in study destinations abroad. One of the emphasized factor is the political factor. This study focuses on political factors that may influence the international students' decision to study abroad and choosing the best and right destination. The objectives to be achieved through this research are (1) to identify the political factors that attempt to influence the selection results of study destination for international students, (2) to discuss the marketing and promotion strategies that can be implemented by universities in improving international students intake as well as its relation with political factors discussed. This study is expected to contribute the understanding of the political factors which influence the decision of international students and provide an alternative to university in formulating the best marketing and promotional strategies in order to achieve their aim to be an international level university.*

Keywords: *International Students, Political Factors, Study Destination Selection*

Pengenalan

Dalam melangkah menuju abad ke-21, pengantarabangsaan semakin menjadi faktor utama yang membentuk dan memberi cabaran bagi sektor pengajian tinggi di negara-negara seluruh dunia. Peningkatan pengantarabangsaan dalam pendidikan tinggi sememangnya sudah tidak asing lagi dan turut menjadi antara matlamat utama negara Malaysia. Dalam usaha untuk mencapai kejayaan di era globalisasi ini, pelajar-pelajar dituntut untuk mengembangkan kemahiran budaya global (Cant, 2004) agar mampu bersaing dan meningkatkan nilai kebolehpasaran. Persaingan telah berlaku bukan hanya dalam kalangan pelajar tetapi di antara institusi-institusi di seluruh dunia bagi meningkatkan jumlah enrolmen pelajar antarabangsa. Menurut Ivy (2001), tren global dalam pengajian tinggi telah membawa pesaing baru yang semakin sengit dan institusi pendidikan harus mengekalkan kelebihan daya saing mereka dengan membangunkan imej dan kedudukan tersendiri (Ivy, 2001; Valimaa, 2004). Realiti ini menjadikan pemilihan pelajar antarabangsa satu perkara yang menarik untuk dikaji dan bukan sahaja menumpukan kepada strategi pengantarabangsaan tetapi juga peranan kerajaan di sesebuah negara dalam mempromosikan lokasinya sebagai destinasi pendidikan.

Oleh itu, adalah sangat penting bagi pemimpin dan pentadbir institusi selaku pemasar pendidikan tinggi untuk mengetahui faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan bakal pelajar dan memahami perkaitan di antara faktor-faktor terlibat (Bodycott, 2009). Pemilihan Malaysia sebagai destinasi pengajian tinggi berdasarkan faktor politik boleh dilihat dalam pelbagai aspek antaranya termasuklah, kestabilan politik dan keamanan di negara ini walaupun mempunyai rakyat yang berbilang kaum dan agama. Selain itu, proses pengurusan dan pengeluaran visa

yang mudah dan kurang birokrasi mampu mempengaruhi keputusan pemilihan seseorang pelajar antarabangsa itu. Pelajar antarabangsa dibenarkan untuk bekerja secara sambilan untuk menambah sumber kewangan dengan menggunakan visa tersebut. Di samping itu, terdapat juga pelajar antarabangsa yang memilih untuk melanjutkan pelajaran di Malaysia berdasarkan program-program dalam institusi pengajian tinggi yang ditawarkan dan turut berkaitan dengan politik. Bagi negara yang mengamalkan dasar sekatan media dan komunikasi, adalah menjadi kurang pilihan bagi sesetengah pelajar untuk memilih negara tersebut sebagai negara destinasi pengajian mereka.

Tujuan kertas konsep ini adalah untuk meneroka faktor politik di Malaysia yang terlibat dalam mekanisme pemilihan destinasi pengajian tersebut dan membincangkan bagaimanakah faktor politik itu boleh dimanipulasikan dalam strategi pengantarabangsaan serta promosi untuk meningkatkan kemasukan pelajar antarabangsa di universiti. Dengan matlamat ini, kajian yang dilaksanakan akan mengambil kira ulasan dan hasil dapatan sarjana-sarjana lepas yang berkaitan dengan pemilihan destinasi pengajian pelajar antarabangsa di luar negara.

Kepentingan Kajian

Kajian ini berguna bagi meningkatkan pengetahuan terhadap faktor-faktor politik yang wujud dan telah mempengaruhi keputusan seseorang pelajar dalam memilih destinasi pengajian antarabangsa.

Skop Kajian

Pemilihan destinasi pengajian oleh pelajar antarabangsa yang menuntut di Malaysia dan faktor politik dalam negara yang mempengaruhi pemilihan tersebut.

Sorotan Literatur

Merujuk kepada hasil kajian sarjana - sarjana terdahulu, faktor politik bukanlah faktor utama dan bersifat dominan yang mempengaruhi keputusan pemilihan pelajar terhadap destinasi pengajian di luar negara. Namun demikian, adalah penting untuk memahami faktor tersebut memandangkan isu politik merupakan isu yang popular dan melibatkan keseluruhan negara secara umumnya. Sarjana Maringe dan Carter (2007) menyatakan dalam kajian mereka bahawa situasi di negara asal seperti kemerosotan ekonomi, ketidakstabilan politik dan kekurangan kapasiti pelajar dalam institut pengajian tinggi tempatan telah menjadi faktor utama yang menyebabkan pelajar antarabangsa membuat keputusan untuk meninggalkan negara asal mereka demi melanjutkan pelajaran di institusi pengajian tinggi. Pandangan tersebut adalah selari dengan pandangan sarjana Oliveira dan Soares (2015) yang mengatakan bahawa persaingan yang sengit, pergolakan politik, kekurangan peluang di universiti tempatan, sekatan akses dan penapisan maklumat saintifik telah menyebabkan pelajar-pelajar dari negara mundur untuk keluar dari negara mereka bagi mencari latihan akademik dan profesional di negara-negara maju.

Walau bagaimanapun, bagi sarjana Bodycott (2009) dalam kajiannya menyatakan bahawa kedudukan faktor politik seperti imigrasi adalah tidak begitu penting jika dibandingkan dengan faktor kualiti pendidikan tinggi yang ditekankan. Akan tetapi, beliau mengatakan salah satu punca penurunan jumlah pelajar antarabangsa ke luar negara disebabkan polisi visa dan imegresen yang ketat. Özoğlu *et.al* (2015) menegaskan bahawa pelajar antarabangsa berkemungkinan akan kehilangan motivasi dan semangat pada awal proses kemasukan ke

universiti dan menimbang semula pilihan mereka sekiranya prosedur pengeluaran visa terlalu lama.

Salah satu isu politik yang diketengahkan dan turut mempengaruhi keputusan pemilihan destinasi pengajian pelajar antarabangsa adalah keamanan dan keselamatan dari segi kurangnya kadar jenayah serta kadar diskriminasi bangsa di negara destinasi. Kewujudan populasi pelajar antarabangsa yang ditubuhkan di negara destinasi membuktikan kejayaannya dalam menarik sejumlah besar pelajar antarabangsa dari pelbagai negara yang seterusnya berfungsi sebagai faktor "tarikan" tambahan (Mazzarol & Soutar, 2002). Hal ini dapat menjelaskan bahawa kestabilan politik di sesebuah negara berupaya memberi motivasi kepada pelajar antarabangsa dalam pemilihan destinasi pengajian.

Jadual.1 mempersembahkan faktor politik yang dikaitkan dengan keputusan pelajar dalam pemilihan destinasi pengajian di luar negara.

Jadual 1: Faktor politik yang dikenalpasti dalam literatur yang mempengaruhi keputusan pelajar dalam pemilihan destinasi pengajian di luar negara

FAKTOR POLITIK	PARA PENYELIDIK
Keselamatan	Bodycott, 2009;
Permohonan Visa	Cubillo, Sánchez & Cerviño, 2006; Maringe & Carter, 2007; Eder, Smith & Pitts, 2010; Özoğlu M., Gür B.S, Coşkun I (2015)

Kerangka Teoritik

Kerangka Teorikal yang menjadi rujukan utama dalam kertas konsep ini adalah Teori "Push-Pull" Factors daripada Mazzarol dan Soutar kerana teori tersebut dapat menggambarkan secara menyeluruh terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi keputusan pemilihan destinasi pengajian bagi pelajar antarabangsa. Teori "Push-Pull" Factors mencadangkan bahawa dalam proses pelajar antarabangsa membuat keputusan untuk melanjutkan pelajaran ke luar akan melibatkan tiga fasa utama seperti berikut:-

a) Fasa pertama

Pelajar membuat keputusan untuk melanjutkan pelajaran ke luar negara. Faktor yang terlibat ialah faktor penolakan (Push Factor) yang wujud dalam negara asal mereka.

b) Fasa kedua

Pelajar tertarik dengan ciri-ciri negara destinasi pengajian luar negara yang menepati kehendak dan keperluan pelajar. Faktor terlibat adalah faktor penarikan (Pull Factor) di mana negara destinasi mempunyai daya tarikan yang lebih.

c) Fasa ketiga

Pelajar membuat pemilihan akhir bagi negara destinasi dan institusi pengajian.

Selain itu juga, sarjana Mazzarol, Kemp dan Savery (1997) telah mengklasifikasikan sebanyak enam faktor utama yang mempengaruhi pelajar dalam pemilihan negara destinasi pengajian antaranya termasuklah, **pengetahuan dan kesedaran, rekomendasi peribadi, isu kos, persekitaran, jaringan sosial dan kedudukan geografi** negara. Kesemua faktor ini amat penting bagi memahami pengaruh-pengaruh yang memotivasikan pemilihan seseorang pelajar terhadap negara destinasi pengajian mereka.

Perbincangan

Berdasarkan perbincangan kertas konsep ini, beberapa cadangan boleh dipertimbangkan dalam merancang strategi pengantarabangsaan sesebuah universiti. Bagi proses pengurusan visa, disyorkan bahawa prosedur ini perlu dibersihkan daripada birokrasi dengan mengaplikasi konsep "lean management" agar urusan visa menjadi lebih mudah dan cepat (Özoğlu M., Gür B.S, Coşkun I, 2015). Prosedur yang lama dan tidak menentu adalah tidak menggalakkan. Sebagai contohnya negara Amerika Syarikat selepas peristiwa September 11, prosedur pengeluaran visa menjadi rumit kerana masalah keselamatan. Ini menyebabkan penurunan yang teruk dalam bilangan permohonan visa pelajar (Johnson, 2009).

Disamping itu, kekurangan maklumat dan kakitangan terlatih boleh memburukkan lagi masalah yang dihadapi pelajar ketika melaksanakan proses ini. Oleh itu, ia adalah sangat penting bahawa universiti memberikan mereka bimbingan berstruktur dan orientasi sebaik sahaja mereka tiba bagi mengelakkan pelajar menarik diri sebelum mereka mempunyai peluang untuk memulakan pengajian mereka.

Penubuhan persatuan pelajar antarabangsa dan alumni pelajar antarabangsa di sesebuah universiti yang melaksanakan aktiviti bersama pelajar tempatan juga secara tidak langsung dapat mempromosikan keamanan sejagat di peringkat institusi dan sekaligus mengurangkan diskriminasi bangsa.

Negara yang mempunyai reputasi baik dari segi keselamatan dan sikap keterbukaan masyarakat tempatan dalam menerima kedatangan pelajar antarabangsa mempamerkan tarikan negara tersebut sebagai satu negara destinasi pilihan (Chen dan Zimitat, 2006; Bodycott, 2009). Persekitaran politik yang stabil, kebebasan bersuara individu, kadar pengangguran rendah, kestabilan ekonomi dan kepelbagaian kaum sudah tentu menambah nilai keistimewaan sesebuah negara.

Kesimpulan

Kertas konsep ini mencadangkan kepentingan kepada pihak berkenaan seperti universiti dan kerajaan agar mempertimbangkan faktor politik yang turut menyumbang kepada pengaruh pemilihan destinasi pengajian bagi pelajar antarabangsa dalam memacu hala tuju pemasaran dan strategi peningkatan enrolmen pelajar antarabangsa. Dalam konteks ini, saranan dan implikasi praktikal bagi memformulasikan strategi pengantarabangsaan dan pemasaran yang berupaya memenuhi kumpulan sasaran pelajar yang lebih berkesan. Secara umumnya, perbincangan yang dilakukan menyumbang kepada peningkatan pemahaman terhadap pelbagai faktor politik yang mempengaruhi keputusan pelajar memilih destinasi bagi melanjutkan pelajaran.

Rujukan

- Bodycott, P. (2009). "Choosing a Higher Education Study Abroad Destination – What Mainland Chinese Parents and Students Rates as Important". *Journal of Research in International Education*, Vol. 8(3), 349-373.
- Cant, A.G. (2004), "Internationalizing the business curriculum: developing intercultural competence", *Journal of American Academy of Business*, Vol. 5 Nos 1/2, pp. 177-82.
- Cubillo, J.M., Sánchez, J., and Cerviño, J. (2006). "International Students' Decision-Making Process". *International Journal of Educational Management*, Vol. 20(2), 101-115. 49
- Chen, C.H., and Zimitat, C (2006). "Understanding Taiwanese Students' Decision-Making Factors Regarding Australian International Higher Education". *International Journal of Educational Management*, Vol. 20(2), 91-100.
- Diana Oliveira, Ana Maria Soares (2015). "Choosing a university abroad: motivations, information sources and decision factors". *Proceedings of the 14th International Marketing Trends Conference 2015*
- Ivy, J. (2001), "Higher education institution image: a correspondence analysis approach", *The International Journal of Educational Management*, Vol. 15 Nos 6/7, pp. 276-82.
- Mazzarol, T., Kemp, S., and Savery, L. (1997). "International Students who choose not to study in Australia": An Examination of Taiwan and Indonesia. Canberra, Australian International Education Foundation.
- Johnson VC (2009). "A Visa and Immigration Policy for the Brain-Circulation Era: Adjusting to what happened in the world while we were making other plans. NAFSA": Association of International Educators
- Maringe, F., and Carter, S. (2007). "International Students' Motivations for Studying in UK HE: Insights Into The Choice and Decision Making Of African Students". *International Journal of Educational Management*, Vol. 21(6), 459-475.
- Mazzarol, T., and Soutar, G.N. (2002). "Push-Pull Factors Influencing International Student Destination Choice". *International Journal of Educational Management*, Vol. 16(2), 82-90.
- Özoğlu M., Gür B.S, Coşkun I (2015). "Factors influencing international students' choice to study in Turkey and challenges they experience in Turkey". *Research in Comparative & International Education* 1 –15
- Valimaa, J. (2004), "Nationalisation, localisation and globalisation in Finnish higher education", *Higher Education*, Vol. 48 No. 1.